

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PERLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 45**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan terkini secara terperinci, bagi projek menambah baik infrastruktur bekalan air terawat, bekalan elektrik, jalan berturap dan kemudahan telekomunikasi bagi kawasan penempatan Orang Asli mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menambah baik infrastruktur bekalan air terawat, bekalan elektrik, jalan berturap dan kemudahan telekomunikasi di perkampungan Orang Asli di seluruh negara melibatkan 853 buah kampung.

JAKOA telah menetapkan sasaran di mana kesemua kampung akan menerima kemudahan asas yang lengkap pada tahun 2023 namun ianya bergantung kepada peruntukan yang diperolehi dan kerjasama daripada agensi dan jabatan peringkat persekutuan dan negeri.

Status kemudahan asas mengikut negeri adalah seperti berikut : -

BIL	NEGERI	JUMLAH KAMPUNG	JUMLAH PENDUDUK	JALAN		BEKALAN AIR		BEKALAN ELEKTRIK		TELE KOMUNIKASI	
				Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada
1.	PAHANG	262	67,506	227	35	217	45	206	56	178	84
2.	PERAK	255	53,299	241	14	179	76	212	43	184	71
3.	KELANTAN	118	13,457	55	63	108	10	62	56	76	42
4.	SELANGOR	74	17,587	71	3	73	1	72	2	65	9
5.	N.SEMBILAN	68	10,531	68	-	49	19	67	1	68	-
6.	JOHOR	58	13,139	58	-	54	4	55	3	58	-
7.	MELAKA	14	1,515	14	-	14	-	14	-	14	-
8.	TERENGGANU	3	893	3	-	3	-	3	-	3	-
9.	KEDAH	1	270	1	-	1	-	1	-	1	-
<b>JUMLAH</b>		<b>853</b>	<b>178,197</b>	<b>738</b>	<b>115</b>	<b>698</b>	<b>155</b>	<b>692</b>	<b>161</b>	<b>647</b>	<b>206</b>

Sekian. Terima kasih